

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/1989

Mac/April 1989

BOO 333/2 Taksonomi Tumbuhan

Masa: [2 jam]

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi DUA soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

Bahagian A (Wajib)

1. Bezakan antara:-

- (a) Pengelasan taksonomi dan kekunci taksonomi
- (b) hierarki taksonomi dan kategori taksonomi
- (c) homoplasi dan patristri

(20 markah)

2. Apakah fungsi-fungsi pengelasan taksonomi? Huraikan langkah-langkah utama dalam pembinaan pengelasan taksonomi. Apakah perbezaan utama antara pembinaan pengelasan filogenetik dan pembinaan pengelasan fenetik?

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut)

3. Bandingkan sistem Ranalian dan sistem Englerian untuk pengelasan tumbuhan angiosperma. Apakah andaian-andaian bagi setiap sistem pengelasan itu? Mengapakah sistem Ranalian lebih luas diterima oleh ahli taksonomi moden?

(30 markah)

4. Apakah ciri-ciri taksonomi? Mengapakah ciri-ciri morfologi masih paling luas digunakan untuk tujuan taksonomi? Mengapakah sebilangan ciri morfologi didapati lebih berguna untuk taksonomi jika dibandingkan dengan ciri-ciri morfologi lain?

(30 markah)

5. Apakah aliran-aliran utama pada evolusi tumbuhan berbunga?

(30 markah)